

## BAB EMPAT : ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

### 4.0 Pendahuluan

Bab ini mengemuka dan menganalisis data kajian yang diperolehi daripada instrumen kajian. Perbincangannya dibahagikan kepada dua bahagian mengikut pembahagian set borang soal selidik. Data tersebut dianalisis secara peratusan kekerapan bagi setiap bahagian. Peratusan tertinggi dikira garis pengukur bagi hasil yang diperolehi. Setiap bahagian dibahagikan mengikut bahagian kecil seperti di dalam borang soal selidik. Ia dimulakan dengan bahagian guru kemudian diikuti dengan bahagian pelajar.

### 4.1 Latar Belakang Subjek Kajian

Seramai 7 orang guru Bahasa Arab dan 30 orang pelajar dipilih sebagai sampel kajian. Tujuh orang guru tersebut terdiri daripada 5 orang lelaki dan 2 orang perempuan. Umur guru-guru yang berada di sekitar 31 hingga 40 tahun adalah seramai 6 orang manakala yang berumur sekitar 41 hingga 50 tahun hanya seorang sahaja.

Jadual 4.1 : Jadual Maklumat Peribadi Guru ( Jantina Dan Umur )

JANTINA	JUMLAH	PERATUS
Lelaki	5	71.4
Perempuan	2	28.6
UMUR	JUMLAH	PERATUS
31 – 40 tahun	6	85.7
41 – 50 tahun	1	14.3

Dari sudut kelulusan, seramai 6 orang mempunyai Ijazah Sarjana Muda dan seorang memiliki Ijazah Sarjana. Antara mereka 2 orang mempunyai ijazah dalam negara dan 5 orang memperolehi ijazah dari luar negara. Ketujuh-tujuh orang guru tersebut memiliki Diploma Pendidikan dan kesemua mereka mengambil pengkhususan bahasa Arab.

Jadual 4.2 : Jadual Maklumat Peribadi Guru ( Kelulusan Tertinggi)

KELULUSAN	JUMLAH	PERATUS
Ijazah Sarjana Muda (BA)	6	85.7
Sarjana (MA)	1	14.3
Diploma Pendidikan	7	100.0
Pengkhususan Bahasa Arab	7	100.0

Dari sudut pengalaman mengajar, terdapat 2 orang mempunyai pengalaman mengajar dari 4 hingga 6 tahun, 2 orang lagi dari 7 hingga 10 tahun dan 3 orang dari 11 hingga 15 tahun.

Jadual 4.3 : Jadual Maklumat Peribadi Guru ( Pengalaman Mengajar )

PENGALAMAN MENGAJAR	JUMLAH	PERATUS
4 – 6 tahun	2	28.6
7 – 10 tahun	2	28.6
10 – 15 tahun	3	42.8
JUMLAH	7	100

Dari sudut pengalaman mengajar Bahasa Arab pula, terdapat 3 orang guru mempunyai pengalaman mengajar di antara 4 hingga 6 tahun. 2 orang berpengalaman antara 7 hingga 10 tahun dan 2 orang lagi berpengalaman selama 11 hingga 15 tahun.

Jadual 4.4 : Jadual Maklumat Peribadi Guru ( Pengalaman Mengajar Bahasa Arab )

PENGALAMAN MENGAJAR B. ARAB	JUMLAH	PERATUS
4 – 6 tahun	3	42.8
7 – 10 tahun	2	28.6
10 – 15 tahun	2	28.6
JUMLAH	7	100

Bagi sampel pelajar, seramai 30 orang pelajar dipilih secara rawak dari Tingkatan Tiga. Mereka terdiri daripada 15 lelaki dan 15 orang perempuan. Dari sudut pengalaman belajar bahasa Arab, terdapat 28 orang pelajar yang pernah belajar bahasa tersebut di peringkat Sekolah Rendah. Dari aspek latar belakang keluarga pula, terdapat 22 orang pelajar yang mempunyai keluarga mengetahui bahasa Arab dan 29 orang pelajar tidak pernah pergi atau tinggal di negara Arab.

Jadual 4.5 : Jadual Maklumat Peribadi Pelajar

PERKARA	JUMLAH	PERATUS
Lelaki	15	50.0
Perempuan	15	50.0
Pengalaman belajar B.A di peringkat sek. Rendah	28	93.3
Keluarga mengetahui bahasa Arab	22	73.3
Tidak pernah ke Negara Arab	29	96.7

Menyentuh minat mereka terhadap bahasa Arab, didapati 25 orang pelajar berminat belajar bahasa Arab manakala baki 5 orang pelajar tidak berminat. Tentang kesukaran belajar bahasa Arab didapati 16 orang pelajar menyatakan belajar bahasa Arab tidak sukar dan baki 14 orang pelajar menyatakan sukar belajar bahasa tersebut. Suasana pembelajaran bahasa Arab di sekolah pula, 29 orang pelajar menyatakan pembelajaran mengembirakan. Dari sudut aktiviti menonton filem Arab, hanya 11 orang pelajar yang pernah menonton manakala bakinya 19 orang pelajar menyatakan tidak pernah menonton filem Arab.

Jadual 4.6 : Jadual Maklumat Peribadi Pelajar

PERKARA	JUMLAH	PERATUS
Berminat Bahasa Arab	25	83.3
Tidak berminat	5	16.7
Tidak sukar belajar Bahasa Arab	16	53.3
Sukar belajar Bahasa Arab	14	46.7
Belajar mengembirakan	29	96.7
Tidak mengembirakan	1	3.3
Pernah menonton filem Arab	11	36.7
Tidak pernah menonton filem Arab	19	63.3

Terdapat 21 orang pelajar yang mendapat keputusan A dalam peperiksaan pertengahan tahun 2009 dan bakinya mendapat keputusan B. 21 orang pelajar menyatakan keinginan untuk terus belajar bahasa Arab selepas PMR dan bakinya 9 orang tidak berminat untuk meneruskan pembelajaran bahasa Arab.

Jadual 4.7 : Jadual Maklumat Peribadi Pelajar

PERKARA	JUMLAH	PERATUS
Keputusan peperiksaan A	21	70.0
Keputusan peperiksaan B	8	26.7
Tidak pasti	1	3.3
Ingin meneruskan belajar	21	70.0
Tidak ingin	9	30.0

#### 4.2 Bahagian Guru

Bagi mendapatkan jawapan untuk persoalan kajian tentang pengajaran kosa kata, borang soal selidik diedarkan kepada guru-guru yang terlibat dengan pengajaran Bahasa Arab. 5 bahagian berkenaan kosa kata dikemukakan seperti di bawah:

- a) Pemilihan Perkataan
- b) Menterjemah Perkataan
- c) Penerangan Makna Perkataan
- d) Pengukuhan Perkataan
- e) Penggunaan Perkataan

#### 4.2.1 Pemilihan perkataan

Jadual 4.8 : Jadual Pemilihan Perkataan Daripada Guru

( Mengikut skala bagi peratus tertinggi )

PEMILIHAN PERKATAAN		SKALA				
		1	2	3	4	5
1	Saya memberi penekanan kepada perkataan yang selalu berulang					71.4
2	Saya memberi penekanan kepada perkataan yang mudah disebut					57.1
3	Saya memberi penekanan kepada perkataan yang khusus dalam bidangnya					57.1
4	Saya memberi penekanan kepada perkataan baru ditemui					57.1

Jawapan daripada borang soal selidik yang telah diedarkan menunjukkan bahawa responden memberi jawapan peratus tertinggi bagi semua soalan dengan skala 5, iaitu skala amat berkaitan dengan mereka. Jawapan ini menunjukkan mereka amat memberi penekanan kepada perkataan yang sering berulang, perkataan yang mudah disebut, perkataan yang khusus dalam bidangnya dan perkataan baru ditemui.

#### 4.2.2 Menterjemah Perkataan

Dalam bahagian menterjemah perkataan, soalan dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, soalan mengenai cara guru menterjemahkan perkataan. Kedua, soalan mengenai cara terjemahan pelajar.

Dalam bahagian ini terdapat 8 soalan yang mendapat jawapan tentang teknik terjemahan guru seperti di bawah:

Jadual 4.9 : Jadual Teknik Terjemahan Guru

( Mengikut skala bagi peratus tertinggi )

TEKNIK TERJEMAHAN		SKALA				
		1	2	3	4	5
1	Saya menterjemah perkataan ke dalam bahasa Melayu					85.7
2	Saya memberi makna perkataan secara huraian dalam bahasa Arab				57.1	
3	Saya menterjemah perkataan dengan memberi perkataan berlawanan dalam bahasa Arab					57.1
4	Saya menterjemah perkataan dengan memberi perkataan sama erti dalam bahasa Arab					57.1
5	Saya menterjemah perkataan dengan melakukan aksi				42.9	
6	Saya menterjemah perkataan dengan membuat ayat				42.9	42.9
7	Saya menterjemahkan perkataan dengan menggunakan gambar atau objek				42.9	
8	Saya mengajar pelajar cara menterjemah perkataan melalui kamus				57.1	

Jawapan yang diperolehi menunjukkan guru-guru memberi jawapan tertinggi dengan skala 4 dan 5, iaitu berkaitan dan amat berkaitan dengan mereka. Ini menunjukkan mereka beramal dengan pendekatan terjemahan yang dikemukakan. Cara terjemahan yang paling banyak digunakan ialah menterjemah perkataan ke bahasa Melayu, menterjemah perkataan dengan memberi perkataan berlawanan, menterjemah perkataan dengan memberi perkataan sama erti dan menterjemah perkataan dengan membuat ayat.

Cara terjemahan yang sering digunakan pula ialah menterjemah perkataan dengan menerangkan maknanya dalam bahasa Arab, menterjemah perkataan dengan melakukan aksi, menterjemahkan perkataan dengan menggunakan gambar atau objek dan menterjemah perkataan melalui kamus. Terdapat juga persamaan skala guru dalam teknik terjemahan perkataan secara membuat ayat (no.6). Teknik ini juga mendapat perhatian guru dalam pengajaran bahasa Arab.

Berikutnya, soalan kepada guru tentang arahan cara terjemahan pelajar. Terdapat 8 soalan seperti berikut :

Jadual 4.10 : Jadual Arahan Guru Kepada Pelajar Dalam Teknik Terjemahan

( Mengikut skala bagi peratus tertinggi )

<b>ARAHAN GURU KEPADA PELAJAR DALAM TEKNIK TERJEMAHAN</b>		<b>SKALA</b>				
		<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
<b>1</b>	Saya meminta pelajar menterjemahkan perkataan ke dalam bahasa Melayu					57.1



ARAHAN GURU KEPADA PELAJAR DALAM TEKNIK TERJEMAHAN		SKALA				
		1	2	3	4	5
2	Saya meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan menerangkan maknanya dalam bahasa Arab		28.6	28.6		28.6
3	Saya meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan memberi perkataan berlawanan				57.1	
4	Saya meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan memberi perkataan sama erti				42.9	
5	Saya meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan melakukan aksi				42.9	
6	Saya meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan membuat ayat				42.9	
7	Saya meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan menggunakan gambar atau objek		28.6		28.6	28.6
8	Saya meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan berpandukan kamus				42.9	42.9

Jawapan tersebut menunjukkan terdapat guru yang kerap menggunakan kaedah yang dikemukakan. Begitu juga terdapat guru yang kurang pasti dan tidak menggunakannya. Cara yang paling banyak digunakan ialah meminta pelajar menterjemahkan perkataan ke dalam bahasa Melayu. Cara yang sering digunakan untuk memberi tugas kepada pelajar ialah meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan memberi perkataan berlawanan, meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan

memberi perkataan sama erti, meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan melakukan aksi dan meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan membuat ayat.

Terdapat 3 persamaan skala guru dalam 2 arahan cara terjemahan pelajar. Pertamanya arahan guru meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan menerangkan maknanya dalam bahasa Arab (no. 2) dan keduanya arahan guru meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan menggunakan gambar atau objek (no.7). Ini menunjukkan sebahagian besar guru tidak menggunakan 2 arahan di atas.

Terdapat satu arahan guru kepada pelajar yang mendapat persamaan skala teratas (skala 4 dan 5). Arahan tersebut ialah meminta pelajar menterjemahkan perkataan dengan berpandukan kamus. Ini menunjukkan guru-guru selalu menggunakan arahan tersebut di dalam proses pengajaran mereka.

#### 4.2.3 Penerangan Makna Perkataan

Dalam bahagian ini dikemukakan 10 soalan seperti di bawah:

Jadual 4.11 : Jadual Penerangan Makna Perkataan Daripada Guru

( Mengikut skala bagi peratus tertinggi )

PENERANGAN MAKNA PERKATAAN		SKALA				
		1	2	3	4	5
1	Saya membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna secara umum				42.9	42.9

PENERANGAN MAKNA PERKATAAN		SKALA				
		1	2	3	4	5
2	Saya membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna semua perkataan				42.9	42.9
3	Saya membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna sebahagian perkataan				42.9	
4	Saya membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan tertentu sahaja			71.4		
5	Saya membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan baru sahaja.			71.4		
6	Saya meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna secara umum				42.9	
7	Saya meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna semua perkataan					42.9
8	Saya meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna sebahagian perkataan				71.4	
9	Saya meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan tertentu sahaja				42.9	
10	Saya meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan baru			28.6	28.6	

Jawapan kepada soalan di atas menunjukkan terdapat satu soalan yang mendapat peratus tertinggi dengan skala 5, iaitu amat berkaitan. Ini menunjukkan majoriti guru menggunakan kaedah tersebut, iaitu meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna semua perkataan.

Empat soalan pula mendapat peratus tertinggi skala 4, iaitu berkaitan. Ini menunjukkan guru-guru menggunakan kaedah berikut dalam pengajaran mereka:

- a) Membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna sebahagian perkataan
- b) Meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna secara umum
- c) Meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna sebahagian perkataan
- d) Meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan tertentu sahaja

Dalam penerangan makna perkataan terdapat 2 soalan yang mendapat peratus tertinggi dengan skala 3, iaitu tidak pasti. Ini menunjukkan guru-guru tidak menggunakan pendekatan tersebut, iaitu:

- a) membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan tertentu sahaja
- b) membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan baru sahaja.

Terdapat juga 3 soalan yang berkongsi skala peratus tertinggi. Dua daripadanya berkongsi skala 4 dan 5 iaitu berkaitan dan amat berkaitan. Ini menunjukkan guru-guru selalu menggunakan kaedah seperti di bawah dalam pengajaran mereka:

- a) Membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna secara umum.
- b) Membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna semua perkataan

Satu soalan lagi berkongsi skala tidak pasti dan berkaitan. Ini menunjukkan guru-guru jarang menggunakan pendekatan tersebut, iaitu meminta pelajar membaca keseluruhan teks dengan menerangkan makna perkataan baru.

#### 4.2.4 Pengukuhan Perkataan

Bahagian ini mengandungi 4 soalan seperti di bawah:

Jadual 4.12 : Jadual Pengukuhan Perkataan Daripada Guru

( Mengikut skala bagi peratus tertinggi )

PENGUKUHAN PERKATAAN		SKALA				
		1	2	3	4	5
1	Pada setiap periode baru saya mengulang kaji perkataan baru sebelumnya				57.1	
2	Pada setiap periode baru saya mengulang kaji beberapa perkataan sebelumnya				42.9	
3	Pada setiap periode baru saya mengulang kaji kebanyakan perkataan sebelumnya				42.9	
4	Pada setiap periode baru saya mengabaikan ulang kaji perkataan baru sebelumnya		28.6		28.6	

Jawapan yang diperolehi menunjukkan 3 soalan mendapat jawapan peratus tertinggi skala empat iaitu berkaitan. Ini menjelaskan majoriti guru-guru mengamalkan pendekatan berikut dalam pengajaran mereka:

- a) Mengulang kaji perkataan baru sebelumnya setiap periode baru.
- b) Mengulang kaji beberapa perkataan sebelumnya setiap periode baru.
- c) Mengulang kaji kebanyakan perkataan sebelumnya setiap periode baru.

Terdapat satu soalan sahaja yang berkongsi skala 3 dan 4, iaitu tidak pasti dan berkaitan. Jawapan ini menunjukkan guru-guru jarang mengabaikan ulang kaji perkataan baru sebelumnya setiap periode.

#### 4.2.5 Penggunaan Perkataan

Dalam bahagian ini dikemukakan 12 soalan berhubung dengan aktiviti penggunaan bahasa Arab seperti di bawah:

Jadual 4.13 : Jadual Penggunaan Perkataan Guru

( Mengikut skala bagi peratus tertinggi )

PENGGUNAAN PERKATAAN		SKALA				
		1	2	3	4	5
1	Operasi kelas dijalankan dalam bahasa Arab sepenuhnya				42.9	
2	Operasi kelas dijalankan dalam bahasa Melayu sepenuhnya			42.9		

PENGGUNAAN PERKATAAN		SKALA				
		1	2	3	4	5
3	Operasi kelas dijalankan dalam dwi bahasa				57.1	
4	Operasi kelas dijalankan majoriti dalam bahasa Arab			57.1		
5	Operasi kelas dijalankan majoriti dalam bahasa Melayu			33.1	33.1	
6	Guru bercakap lebih daripada pelajar dalam kelas				57.1	
7	Pelajar bercakap lebih daripada guru dalam kelas			57.1		
8	Guru dan pelajar berinteraksi dalam kelas				57.1	
9	Guru sentiasa bercakap bahasa Arab dengan pelajar				57.1	
10	Guru sentiasa menggalakkan pelajar bercakap bahasa Arab				71.4	
11	Guru dan pelajar berinteraksi dalam bahasa Arab di luar kelas		28.6	28.6	28.6	
12	Aktiviti di sekolah dijalankan dalam bahasa Arab				57.1	

Sebanyak 7 soalan mendapat peratus tertinggi skala 4 iaitu berkaitan. Majoriti guru-guru mengamalkan aktiviti berikut untuk mengaktifkan penggunaan bahasa Arab:

- a) Operasi kelas dijalankan dalam bahasa Arab sepenuhnya
- b) Operasi kelas dijalankan dalam dwi bahasa
- c) Guru bercakap lebih daripada pelajar dalam kelas

- d) Guru dan pelajar berinteraksi dalam kelas
- e) Guru sentiasa bercakap bahasa Arab dengan pelajar
- f) Guru sentiasa menggalakkan pelajar bercakap bahasa Arab
- g) Aktiviti di sekolah dijalankan dalam bahasa Arab

Terdapat 3 soalan yang mendapat jawapan peratus tertinggi skala tiga iaitu tidak pasti. Majoriti guru-guru tidak pasti sama ada aktiviti di bawah berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka atau tidak. Aktiviti tersebut ialah:

- a) Operasi kelas dijalankan dalam bahasa Melayu sepenuhnya
- b) Operasi kelas dijalankan majoriti dalam bahasa Arab
- c) Pelajar bercakap lebih daripada guru dalam kelas

Dua soalan berkongsi skala peratus tertinggi. Satu soalan berkongsi skala tidak pasti dan berkaitan bagi aktiviti operasi kelas dijalankan majoriti dalam bahasa Melayu. Satu soalan lagi berkongsi 3 skala, iaitu tidak berkaitan, tidak pasti dan berkaitan bagi aktiviti guru dan pelajar berinteraksi dalam bahasa Arab di luar kelas. Jawapan ini menunjukkan operasi kelas berjalan majoriti dalam bahasa Melayu dan tidak berlaku interaksi dalam bahasa Arab di antara guru dan pelajar di luar kelas.

### **4.3 Bahagian Pelajar**

Borang soal selidik pelajar pula dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama untuk mengetahui strategi penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar. Strategi tersebut diambil daripada strategi SILL untuk pengajaran bahasa Inggeris dengan diubah suai ayatnya supaya bersesuaian dengan kehendak penguasaan kosa kata. Bahagian kedua pula merupakan soalan untuk menguji penguasaan kosa kata pelajar.



Bahagian pertama mengandungi 6 bahagian seperti di bawah:

### 4.3.1 Strategi Memori

Jadual 4.14 : Jadual Strategi Memori Pelajar

( Mengikut skala bagi peratus tertinggi )

STRATEGI MEMORI		SKALA				
		1	2	3	4	5
1	Saya memikirkan perhubungan di antara perkataan yang telah saya ketahui dengan perkataan baru saya pelajari dalam bahasa Arab.			44.8		
2	Saya menggunakan perkataan Arab yang baru saya pelajari ke dalam ayat supaya perkataan tersebut dapat saya ingati.		50.0			
3	Saya mengaitkan perkataan Arab yang baru saya pelajari dengan suatu gambaran atau imej ayat itu supaya dapat membantu saya mengingatnya.			43.3		
4	Saya mengingati sesuatu perkataan Arab yang baru saya pelajari dengan membuat gambaran sesuatu keadaan di mana perkataan itu mungkin digunakan.				46.7	
5	Saya menggunakan irama atau rima bagi mengingati perkataan Arab yang baru saya pelajari.			26.7	26.7	
6	Saya menggunakan kad imbasan bagi mengingati perkataan Arab yang baru.	46.7				
7	Saya menggayakan perkataan Arab yang baru saya pelajari.	40.0				
8	Saya sering mengulang kaji pelajaran Bahasa Arab.		33.3			
9	Saya mengingati perkataan atau frasa bahasa Arab yang baru dengan mengingati lokasinya pada muka surat di dalam buku atau bahan bacaan lain.	30.0				

Jawapan menunjukkan pelajar kurang menggunakan strategi di atas dalam mempelajari kosa kata. Hanya 1 soalan sahaja mendapat peratus jawapan tertinggi dengan skala 4, iaitu berkaitan dengan saya. Dua soalan mendapat peratus jawapan tertinggi dengan skala 2, iaitu sedikit berkaitan dengan saya dan 1 soalan berkongsi skala 3 dan 4, iaitu tidak pasti dan berkenaan dengan saya. Soalan selebihnya mendapat skala 1 dan 3, iaitu amat tidak berkenaan dan tidak pasti dengan saya. Ini menjelaskan majoriti pelajar tidak menggunakan strategi memori dalam mempelajari kosa kata.



Carta 4.1 : Peratus Penggunaan Strategi Memori Pelajar

### 4.3.2 Strategi Kognitif

Jadual 4.15 : Jadual Strategi Kognitif Pelajar

( Mengikut skala bagi peratus tertinggi )

STRATEGI KOGNITIF		SKALA				
		1	2	3	4	5
10	Saya menyebut atau menulis perkataan Arab yang baru saya pelajari beberapa kali supaya saya dapat mengingatnya.		36.7			
11	Saya cuba bercakap seperti penutur asli bahasa Arab dengan mengambil kira perkataan yang betul.	33.3				
12	Saya berlatih menggunakan perkataan Arab .				40.0	
13	Saya menggunakan perkataan Arab yang saya tahu dalam pelbagai cara.		26.7	26.7		
14	Saya mulakan perbualan dalam bahasa Arab dengan menggunakan perkataan yang betul.			33.3		
15	Saya menonton siaran televisyen atau VCD dalam bahasa Arab bagi mendengar perkataan yang digunakan.	60.0				
16	Saya membaca bahan bahasa Arab sebagai riadah untuk membiasakan dengan perkataan.	50.0				
17	Saya menulis catatan, mesej, surat atau laporan bahasa Arab untuk mempraktikkan perkataan.	53.3				
18	Mula-mula saya baca sekali imbas sesebuah petikan yang ringkas dalam bahasa Arab kemudian saya membacanya dengan teliti bagi memerhatikan perkataan.				33.3	
19	Saya mencari perkataan dalam bahasa saya sendiri yang sama maknanya dengan perkataan baru dalam bahasa Arab.			30.0		

STRATEGI KOGNITIF		SKALA				
		1	2	3	4	5
20	Saya cuba mencari pola (bentuk) yang boleh digunakan sebagai contoh dalam bahasa Arab bagi membetulkan perkataan.		30.0	30.0		
21	Saya mencari makna sesuatu perkataan mengikut kaedah bahasa Arab dengan membahagikannya kepada bahagian yang saya boleh fahami.				24.0	
22	Saya cuba untuk tidak menterjemahkan setiap perkataan Arab kepada bahasa saya.			33.0		
23	Saya membuat catatan tentang perkataan yang saya dengar atau baca dalam bahasa Arab.		30.0			

Jawapan menunjukkan hanya 3 soalan mendapat jawapan tertinggi skala 4, iaitu berkaitan dengan saya. Dua soalan mendapat skala 2, iaitu sedikit berkaitan manakala 3 soalan mendapat skala tidak pasti iaitu skala 3 dan 4 soalan mendapat skala amat tidak berkaitan. Dua soalan berkongsi skala 2 dan 3, iaitu sedikit berkaitan dan tidak pasti. Dari jawapan ini, jelaslah bahawa majoriti pelajar tidak menggunakan strategi kognitif.



Carta 4.2 : Peratus Penggunaan Strategi Kognitif Pelajar

### 4.3.3 Strategi Kompensasi

Jadual 4.16 : Jadual Strategi Kompensasi Pelajar

( Mengikut skala bagi peratus tertinggi )

STRATEGI KOMPENSASI		SKALA				
		1	2	3	4	5
24	Saya membuat tekaan untuk memahami perkataan Arab yang saya tidak biasa.				50.0	
25	Saya akan menggunakan gerak badan atau bahasa isyarat apabila saya tidak dapat melahirkan sesuatu perkataan semasa berbual dalam bahasa Arab.				33.3	
26	Saya akan menggunakan kamus jika saya tidak tahu perkataan yang sebenarnya dalam bahasa Arab.				33.3	
27	Saya membaca bahan bahasa Arab tanpa mencari makna perkataan bagi setiap ayat baru.			40.0		
28	Saya cuba meneka perkataan yang betul terhadap apa yang akan dikatakan selanjutnya oleh orang yang sedang bercakap bahasa Arab.				50.0	
29	Saya menggunakan perkataan atau ayat yang sama maksudnya jika saya tidak dapat melahirkan sesuatu perkataan atau ayat dalam bahasa Arab.				50.0	

Jawapan yang diperolehi ialah 5 soalan mendapat peratus tertinggi skala 4, iaitu berkaitan dengan saya. Hanya 1 soalan mendapat skala tidak pasti. Ini menunjukkan majoriti pelajar menggunakan strategi kompensasi ini dalam menguasai kosa kata.



Carta 4.3 : Peratus Penggunaan Strategi Kompensasi Pelajar

#### 4.3.4 Strategi Metakognitif

Jadual 4.17 : Jadual Strategi Metakognitif Pelajar

( Mengikut skala bagi peratus tertinggi )

STRATEGI METAKOGNITIF		SKALA				
		1	2	3	4	5
30	Saya cuba mencari seberapa banyak cara yang mungkin untuk mengaplikasikan perkataan.		33.3	33.3		
31	Saya mengesan kesilapan saya dalam penggunaan perkataan Arab dan menggunakan maklumat (kesilapan lepas) itu bagi memperbaiki lagi prestasi saya.				43.3	
32	Saya memberi perhatian apabila seseorang itu sedang bercakap dalam bahasa Arab bagi melihat perkataan yang digunakan.			35.7		
33	Saya mempelbagaikan cara untuk menjadi seorang pelajar bahasa Arab yang lebih baik.				40.0	

STRATEGI METAKOGNITIF		SKALA				
		1	2	3	4	5
34	Saya merancang jadual supaya saya mempunyai masa yang mencukupi untuk mempelajari perkataan Arab.				40.0	
35	Saya mencari orang (kawan) yang boleh berbincang tentang perkataan Arab.				43.3	
36	Saya mencari peluang untuk membaca sebanyak yang mungkin perkataan Arab.		46.7			
37	Saya mempunyai matlamat (sasaran) yang jelas bagi mempebaiki kemahiran perkataan Arab saya.				43.3	
38	Saya memikirkan kemajuan pembelajaran perkataan Arab saya.				40.3	

Strategi ini mendapat majoriti jawapan tertinggi skala 4, iaitu berkaitan dengan saya. Diikuti dengan 1 skala, iaitu skala 2 dan 3. Juga terdapat 1 skala perkongsian iaitu 2 dan 3. Ini menunjukkan majoriti pelajar menggunakan strategi ini dalam menguasai kosa kata.



Carta 4.4 : Peratus Penggunaan Strategi Metakognitif Pelajar

### 4.3.5 Strategi Afektif

Jadual 4.18 : Jadual Strategi Afektif Pelajar

( Mengikut skala bagi peratus tertinggi )

STRATEGI AFEKTIF		SKALA				
		1	2	3	4	5
39	Saya cuba menenangkan diri apabila saya berasa takut untuk menggunakan perkataan Arab yang betul.				46.7	
40	Saya menggalakkan diri saya untuk menggunakan perkataan Arab walaupun pada masa itu saya berasa takut terhadap kesilapan yang berlaku ketika berkomunikasi.			44.8		
41	Saya memberikan diri saya sesuatu ganjaran (hadiah) apabila saya memperolehi kemajuan di dalam mempraktikkan perkataan Arab.		40.0			
42	Saya sedar yang saya merasa gelisah dan takut ketika belajar atau menggunakan perkataan Arab yang betul.				36.7	
43	Saya menulis di dalam diari perasaan saya ketika belajar atau menggunakan perkataan Arab.	63.3				
44	Saya memberitahu orang lain mengenai perassan saya ketika mempelajari perkataan Arab.	40.0				

Jadual ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak mengamalkan strategi afektif dalam mempelajari kosa kata berdasarkan skala 4 hanya mendapat 2 jawapan sahaja sedangkan sekala yang kurang daripadanya mendapat 4 jawapan.





Carta 4.5 : Peratus Penggunaan Strategi Afektif Pelajar

#### 4.3.6 Strategi Sosial

Jadual 4.19 : Jadual Strategi Sosial Pelajar

( Mengikut skala bagi peratus tertinggi )

STRATEGI SOSIAL		SKALA				
		1	2	3	4	5
45	Saya akan meminta orang yang bercakap bahasa Arab supaya memperlahankan atau mengulangi apa yang dikatakannya sekiranya saya tidak faham sesuatu perkataan yang betul.				33.3	
46	Saya meminta penutur bahasa Arab supaya memperbetulkan perkataan Arab yang saya gunakan.			43.3		
47	Saya berlatih mempraktikkan perkataan dengan pelajar-pelajar lain.				34.5	
48	Saya meminta pertolongan daripada mereka yang memahami perkataan Arab.				53.3	

STRATEGI SOSIAL		SKALA				
		1	2	3	4	5
49	Saya bertanya soalan dalam bahasa Arab dengan menggunakan perkataan yang betul		26.7			
50	Saya cuba mempelajari budaya Arab untuk memahami perkataan Arab dengan baik.	40.0				

Strategi ini mendapat peratus jawapan tertinggi skala 4 dan diikuti masing-masing 1 jawapan daripada skala 1, 2 dan 3. Jawapan ini menunjukkan majoriti pelajar mengamalkan strategi ini dalam menguasai kosa kata.



Carta 4.6 : Peratus Penggunaan Strategi Sosial Pelajar

Bahagian kedua pula mengandungi 20 patah perkataan untuk diterjemahkan oleh pelajar bagi mengetahui tahap penguasaan kosa kata mereka seperti berikut :

Jadual 4.20 : Jadual Tahap Penguasaan Kosa Kata Arab ( Pelajar )

( Mengikut skala bagi peratus tertinggi )

<b>BIL</b>	<b>PERKATAAN ARAB</b>	<b>TIDAK TEPAT</b>	<b>SEDERHANA TEPAT</b>	<b>TEPAT</b>
1				40.0
2				66.7
3			76.7	
4				63.3
5				90.0
6				73.3
7				93.3
8				93.3
9				96.7
10				60.0
11				96.7
12				83.3
13				50.0
14				66.7

<b>BIL</b>	<b>PERKATAAN ARAB</b>	<b>TIDAK TEPAT</b>	<b>SEDERHANA TEPAT</b>	<b>TEPAT</b>
15				53.3
16				70.0
17				70.0
18				93.3
19				93.3
20				93.3

Berdasarkan jawapan yang diperolehi, peratus jawapan tertinggi ialah skala tepat.

Ini menunjukkan pelajar dapat menguasai kosa kata yang diajar di sekolah.



Carta 4.7 : Peratus Penggunaan Kosa Kata Arab ( Pelajar )

#### **4.4 Penutup**

Bab ini berjaya menganalisis data kajian mengikut kekerapan dan nilai peratusan tertinggi. Skala jawapan dipilih dan ditetapkan melalui peratusan min tertinggi. Setiap skala jawapan yang dianalisis adalah berdasarkan peratusan tersebut.

Pada bahagian guru, bahagian terjemahan mendapat skala 5 dengan peratus tertinggi iaitu 85.7%. Manakala bahagian pelajar pula, strategi kompensasi mendapat peratus tertinggi dengan skala 3.5 dan bahagian penguasaan kosa kata, peratus tertinggi bagi skala tepat ialah 95%.

Bab ini berjaya menganalisis data yang diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada responden kajian.